

Pendidikan ala Jerman

HARIAN METRO (SETEMPAT) 18/2/16 m/s.43

■ UMP jalin kerjasama dengan institusi negara itu menjelang 2020

Oleh Khairulmizan Yahya
am@hmetro.com.my
Kuantan



DAING Nasir (tiga kiri) selepas menyampaikan amanat tahunan Naib Canselor 2016 di Dewan Kompleks Sukan UMP Gambang.

Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan melaksanakan projek 'Pendidikan Ala Jerman' iaitu menetapkan setiap fakulti di universiti berkenaan menjalinkan kerjasama dengan institusi negara itu menjelang 2020.

Naib Canselor UMP Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, ia antara tiga projek khusus yang dimulakan dalam kerangka Pelan Strategik UMP 2016-2020 selain Inovasi Sosial dan Pengurusan Kaedah Enterprise.

"Menerusi projek Pendidikan Ala Jerman, kami mahukan setiap fakulti ha-

rus mempunyai sekurang-kurangnya satu program bercorak Jerman, ala Jerman atau kerjasama dengan institusi di negara berkenaan," katanya selepas Majlis Amanat Tahunan Naib Canselor 2016 di Kompleks Sukan UMP Gambang, di sini, semalam.

Dr Daing Nasir berkata, setakat ini sebanyak tiga daripada lapan fakulti di universiti berkenaan sudah menjalinkan program kerjasama

dengan institusi Jerman dan mensasarkan semua fakulti akan melaksanakan perkara sama.

"Selepas UMP menjalinkan kerjasama dengan pihak Jerman untuk beberapa tahun, kita melihat banyak perkara positif yang boleh diambil antaranya kemajuan teknologi khususnya dalam bidang kejuruteraan automotif dan mekatronik," katanya.

Berliu berkata, selain itu

menerusi projek Inovasi Sosial, UMP akan meneruskan kerja kemasyarakatan melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dilaksanakan namun dalam skop lebih luas serta impak lebih berkesan.

"Kami cuba membawa teknologi kepada masyarakat melalui program CSR berkenaan iaitu dengan pemindahan teknologi, kepakaran, pengetahuan dan kemahiran supaya ia lebih berimpak tinggi.

"Manakala Pengurusan Kaedah Enterprise termasuk pengurusan prestasi,

pelan himpunan bakat penggantian, pengurusan risiko, dan ganjaran berasaskan prestasi," katanya.

Terdahulu, 5,000 warga UMP hadir dalam majlis itu termasuk Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Prof Datuk Dr Rosli Mohd Yunus, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMP, Prof Dr Mashitah Mohd Yusoff dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin.

FAKTA
Antara tiga projek khusus dimulakan dalam kerangka Pelan Strategik UMP 2016-2020